


00313708

6




SEMINAR KEBANGSAAN
ADAT PEPATIH &
WILAYAH BUDAYA
NEGERI SEMBILAN
3-5 MEI 1984

DI UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR.

ADAT PEPATIH SELEPAS 1990?
(DARI SEGI POLITIK DAN EKONOMI)

(HJ MOHD. ZAIN HJ HAMZAH
dan
MOHD ZAIN HJ BAHARI)



Anjuran Bersama:
Universiti Pertanian Malaysia,
Kerajaan Negeri Sembilan, dan
Kementerian Kebudayaan, Belia
dan Sukan, Malaysia.

ADAT PEPATIH SELEPAS 1990?

(Dari Segi Politik dan Ekonomi)*

OLEH

HJ MOHD ZAIN HJ HAMZAH dan
MOHD ZAIN HJ BAHARI

PENDAHULUAN

Tujuan:

Tujuan kertas kerja ini ialah untuk menimbulkan sesuatu perbincangan yang sihat mengenai Adat Papatih yang bertitik tolak dari kata-kata bidalan:

Adat yang tak lapuk dek hujan
tak lekang dek panas
tak kuning dek kunyit

Kertas kerja ini, kami akui tidaklah berdasarkan atas kajian mendalam mengenai Adat Papatih keseluruhannya, akan tetapi apa yang dibentangkan di sini diharapkan akan dapat menyingkap sistem dan falsafah adat tersebut.

Perbincangan akan dikhususkan kepada bidang-bidang politik, pembangunan dan ekonomi, demi untuk melahirkan sesuatu suasana yang segar di mana masyarakat yang berpijak pada kata-kata bidalan, "biar mati ^{di sini akan secara bersejarah dan} anak jangan mati adat" dapat memahami adat ini dengan mendalam, khususnya oleh generasi muda. Justru itu, Adat Papatih akan kekal menjadi warisan yang berkesan di Negeri Sembilan dan di Malaysia di mana sistem pemerintahan demokrasi dan Raja Berpelembagaan sedang dipelihara.

* Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Adat Papatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan pada 3-5hb Mei, 1984 di Universiti Pertanian Malaysia, Serdang.

RINGKASAN

Sedikit Latar Belakang

Dipercayai kedatangan dan pendaratan yang pertama orang-orang Minangkabau di Negeri Sembilan ialah kira-kira sekitar kurun yang kelima belas Masihi. Mereka membawa bersama-sama adat istiadat yang diamalkan di Minangkabau, iaitu adat yang disusun oleh Dato' Papatih nan sebatang, dan membawa bersama kumpulan-kumpulan mereka mengikut 12 suku iaitu: Tanah Datar, Batu Hampar, Sri Lemak Pahang, Sri Lemak Minangkabau, Mungka, Pajakumbuh, Sri Melanggang, Tigo Batu, Biduanda, Tiga Nenek, Anak Acheh dan Batu Belang. Dipercayai juga kebanyakan dari 12 suku yang wujud sekarang, adalah tambahan kepada hanya dua Luak yang asal, iaitu Luak Tanah Datar dan Luak Lima Puloh Kota dari tanah seberang.

Tambahan nama suku-suku itu dipercayai bersebab dari semakin ramainya orang-orang mendatang dari Minangkabau itu, berikutan dengan pendaratan mereka di lain-lain pantai negeri-negeri di Semenanjung, sebelum kira-kira tahun 1467. Perlu diingat Kerajaan yang pertama di Negeri Sembilan hanya wujud dalam tahun 1773, 'Raja' Negeri Sembilan yang pertama ialah Raja Mahmud, anak Raja Pagar Ruyung yang kemudian di gelar Raja Melewar, (1773-1795). Hingga kini sudah 11 raja menduduki tahta Kerajaan Negeri Sembilan keturunan dari Raja Melewar. Dikatakan juga raja Negeri Sembilan hanya bermula dari Raja Radin (Raja ke 4) yang memerintah dari 1824 hingga 1861, waris tahta Diraja Negeri Sembilan lahir di bumi Negeri Sembilan.

Pemerintahan Negeri Sembilan kini

Kemerdekaan negara Malaysia merangkumi Negeri Sembilan yang mengamalkan pemerintahan Raja berpelembagaan berasaskan demokrasi berparlimen.

Negeri Sembilan mempunyai Dewan Perundangan dengan 24 orang anggotanya dipilih melalui pilihanraya. Seperti lain-lain negeri dalam Malaysia teraju Pentadbiran di Negeri Sembilan dipimpin oleh Menteri Besar dengan 8 orang Ahli Permesyuaratan Negeri (Ex-Co). Simbol demokrasi berparlimen ialah Raja berpelembagaan. Duli Yang Maha Mulia Di Pertuan Besar Negeri Sembilan yang mengetuai Dewan Keadilan dan Undang, terdiri dari DYMM Yang Di Pertuan Besar sendiri, 4 orang Datuk Undang - iaitu Undang Sungai Ujong, Rembau, Jelebu, Johol, serta Tengku Besar Tampin Datuk Shahbandar Sungai Ujong, Tengku Besar Sri Menanti dan beberapa orang anggota tidak rasmi yang dilantik oleh DYMM Yang Di Pertuan Besar. Dewan Keadilan dan Undang inilah yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam hal-hal adat istiadat dan hal-hal yang bersangkutan dengan Ugama Islam.

Peredaran masa telah sebanyak sedikit mengubah konsep demokrasi yang tulen bersendikan adat pepatih, akibat arus permodenan pentadbiran demokrasi berparlimen 'ala-British'.

Namun demikian, tidak siapa dapat menafikan hakikat wujudnya ciri-ciri konsep sistem demokrasi yang agak prototype dan pejal di Negeri Sembilan, hingga sebanyak sedikit telah dijadikan asas, umpamanya, dalam pemilihan Yang Di Pertuan Agung, sesuatunya institusi diraja yang amat unik bagi negara kita dikalangan negara-negara demokrasi beraja berpelembagaan di dunia bagi kerajaan Malaysia.

Jika kita halusi kata-kata adat:

"Raja memerintah alam

Penghulu memerintah Luak

Lembaga memerintah suku

Besar memerintah waris

Buapak memerintah anak-anak buah
 anak-anak buah memerintah orang semenda
 orang semenda memerintah waris pesaka (iaitu istrinya)".
 dan seterusnya dihalusi juga kata-kata adat:

"Selasih ke hutan, teromba keluak"

serta:

"Gagak itam, gagak semui turundi bukit berkaki empat,
 Bangau puteh datang di laut berkepak sayap",
 nescaya akan terdapat beberapa persamaan dengan aliran pemikiran
 beberapa bab perlembagaan negara.

Ada juga beberapa kata adat yang seolah-olah menggambarkan hakikat
 kedudukan raja berdaulat yang menjadi payong keadilan dan simbol per-
 paduan di bawah sistem demokrasi berparlimen serta Raja berperlemba-
 gaan di Malaysia kini.

Kita perhatikan saja kedudukan Raja di Negeri Sembilan di bawah
 sistem adat pepatih seperti berikut:

"Sultan berdaulat, bergelenggang berkhalfah,
 menitah dari astananya, pesaka undang berkhalfah
 beteromba berlembaga bersabda di balai".

Kemudian kedudukan Undang pula dikemaskan dalam bidalan adat:

"Pesaka undang berkelantasan, pesaka lembaga bersekat".

Seterusnya, mari kita lihat dan kaji aspek;
 prerogative atau pesaka Undang yang terbahagi kepada:

1. Menentang kebesaran
2. Payong kembang
3. menghurai tombak

4. pedang tersampai
5. keris panjang tercabut
6. mendirikan tangga
7. tiang berpallut akan kain
8. tabir didinding
9. merual
10. langit-langit terpasang
11. sampaian tersangkut
12. Ular-ular
13. gunung berangkat
14. pajar menyinsing
15. halaman beratap kain
16. tilam berulas
17. canang berpukul
18. bantal bersusun
19. alamat berbunyi

"Tanam tiada berbenih, tumbuh tiada bermata".

Dengan mecerakini tiap-tiap pesaka adat itu akan terbayang kepada kita betapa benarnya segala hak yang dikatakan mutlak dalam falsafah sistem pemerintahan 'demokrasi adat', terletak pada Undang, Dan Undang adalah warisan dari Lembaga, Suku, Waris, Buapak dan anak-anak buahnya, mengikut hiraki itu.

Keadaan ini nyatalah semacam ada persamaan dengan hiraki pemerintahan demokrasi berparlimen kita hari ini, di mana rakyat memilih Ketua Kerajaan, dan pemimpin-pemimpin dan Raja-Raja pula memilih Ketua Negara.

Apabila kita mengakui hakikat imbasan ini, tak dapat tiada kita juga akan mengakui betapa 'flexibility' dan penyesuaian amat diperlukan dalam amalan kata-kata adat itu. Samalah juga seperti perlunya bahagian-bahagian tertentu perlembagaan negara dipinda untuk disesuaikan dengan perubahan dan keadaan !

Namun, kepada adat, - "Biarlah mati anak jangan mati adat !"

Pembangunan:

Kita boleh memetik berbagai-bagai lagi kata adat yang ada kaitan dengan sistem politik pemerintahan untuk dijadikan asas perbandingan bagi mengukuhkan lagi pendapat bahawa 'sistem politik' di bawah adat pepatih, adalah pada hakikatnya, cukup tersusun rapi yang menepati pemikiran zamannya.

Tetapi, oleh kerana generasi hari ini sudah lebih sebatian dengan sistem politik masa kini, maka tidak banyak kata-kata falsafah adat yang diketahui dan diamalkan secara jitu.

Tidakkah ada kemungkinan kata-kata falsafah di bawah sistem 'politik adat' akan hanya tinggal sebagai hanya suatu catitan dalam jangka masa yang singkat, jika kefahaman dan penghayatannya masih samar-samar ?

Pembangunan fizikal dan mental negara dan rakyat sesudah 27 tahun merdeka sangat jelas. Dari hampir sejuta penduduk di Negeri Sembilan hari ini, tidak kurang dari 400,000 adalah terdiri dari masyarakat yang boleh disamakan dengan kata bidalan adat:

"Gagak hitam, gagak semui
turun di bukit berkaki empat,
bangau puteh,
datang di laut berkepak sayap".

Hampir suku juta masyarakat peribumi Negeri Sembilan yang berpegang pada adat pepatih masih perlu ditiupkan oleh angin perubahan zaman kini.

Pembangunan fizikal dan mental hari ini tidak seharusnya boleh hanya mengambil kira:

"pesaka lembaga bulatlah antara ke baruh berempat
berlima bersuku, berempat berlima suku ke hulu
bersambilan ke hilir".

Begitu juga dengan sikap. Suasana hari ini tidak lagi mencerminkan amalan tulen kata-kata adat:

"Gedang sama gedang
kecil sama kecil
ke lurah sama turun
ke bukit sama daki
terjun sama basah
melompat sama patah
cicir sama rugi,
dapat sama laba"

Semangat dan cita-cita yang didorong oleh kecenderungan kebendaan dan kuasa, telah banyak merubah sikap serta amalan kata-kata adat itu. Tanda-tanda bahawa segala-gala yang baik dari falsafah adat pepatih seolah-olah sudah hampir hilang.

"Tongkat ke bukit,
apong ke laut,
suluh ke darat"

semacam sudah terketepi.

Tidak mustahil, berdasarkan pesatnya perubahan sikap generasi muda masa kini pegangan kita kepada:

"Yang berlukis yang berlembaga,
yang berturas yang berteladan
yang bersesap yang berjerami
yang berbab yang berpasal"

akan hanya menjadi senikata nyanyian - (mungkin lebih popular dari "Apo nak dikato" dan Apo Kono eh Jang", dalam masa 10 tahun akan datang!)

Tanah Adat Terbiar?

Adalah dipercayai kira-kira 15% bumi pertanian dan perkampungan di seluruh Negeri Sembilan tergulung sebagai tanah adat, sebahagian besarnya pula ditakrif sebagai tanah terbiar.

Adalah dipercayai antara sebab-sebab kesukaran pembangunan tanah-tanah adat atau tanah-tanah pusaka itu ialah kerana sikap negatif waris-waris tanah tersebut, dan juga kerana kesukaran lain yang berkait dengan soal hak milik.

Tidak hairanlah mengapa, sesudah hampir 27 tahun merdeka, masih banyak kawasan-kawasan tanah pusaka adat tidak diusahakan, yang sebanyak sedikit mengakibatkan lembahnya perjalanan usaha hendak membasmi atau mengurangkan kemiskinan di luar-luar bandar di Negeri Sembilan.

Industri dan perniagaan:

Tanah merupakan salah satu aset yang paling berharga dan paling tinggi nilai modal untuk bercambah bagi perkembangan industri dan perniagaan. Justru itu, tanah pusaka adat tetap tergulung sebagai aset (modal) yang amat berguna dalam bidang ini. Namun, akibat dari masalah-masalah

teknikal dan peraturan-peraturan adat itu sendiri tanah adat sukar hendak dijadikan sumber bagi meningkatkan modal.

Adalah dipercayai bahawa langkah yang positif telah, sedang dan akan dijalankan, tetapi, tak dapat tidak, ini juga akan menjejaskan institusi adat pematih itu sendiri.

Dasar Ekonomi Baru:

Sementara itu, dengan adanya konsep Rukunegara, ungkapan-ungkapan Dasar Ekonomi Baru, sekian peratus hak milik equiti orang-orang Melayu dan sebagainya yang menjadi kajian dan cerakinan para cerdik pandai kita hari ini, (malah sampai kepada anak-anak di darjah-darjah sekali pun) kata-kata adat seperti:

"Laksana sireh serumpun,
laksana nyior setali
seikat bak lembing
sebungkus bak nasi
sekucing bak kuah
berlapis bak sawah"
atau

"Yang melurut bak sungai
yang berlepak bak sawah
yang berjalur bak jalan
yang bersudut bak sawah".

sudah sukar dimengerti dan difahami, apatah lagi untuk diamalkan !

Kata-kata dan hukum adat seperti:

"Larang terhukum, pantang terbunuh"
atau "derhaka, celaka,

dhagi, dhagi
 Rumpun, bakar
 Tikam bunuh
 upas, racun
 sumbang, salah"

boleh dikatakan sudah lapuk dek hujan dan sudah lekang dek panas.

Amalan Tang Tepat?

Adalah diakui dari pengalaman dan pemerhatian, ada juga kata-kata dan amalan adat yang digunakan di zaman ini secara sungguh-sungguh. Salah satu dari begitu banyak perbendaharaan kata adat yang masih menjadi amalan, sungguhpun tidak ramai yang faham secara mendalam, ialah

"Orang semenda bertempat semenda,
 jika cerdik teman berunding,
 jika bodoh disuruh arah,
 tinggi banir tempat berlindung
 rimbun daun tempat bernaung"

Di zaman kini, ketika negara perlu membangun, dan individu keluarga juga perlu kemajuan. Tiap-tiap anggota masyarakat itu ada saja gunanya, sungguhpun kerap kali, kata-kata adat digunakan tanpa penghayatan yang sungguh-sungguh:

"Disuruh pergi dipanggil datang
 yang buta disuruh menghembus lesung
 yang patah disuruh menunggu jemuran
 yang pekak disuruh mencucuk meriam
 yang berani dibuat kepala lawan".

Malah jika sungguh-sungguh pun ia diamalkan, tujuan amalan itu adalah atas muslihat-muslihat tertentu.

Beberapa Dasar Baru

Dengan adanya berbagai-bagai perubahan di zaman kini, yang tak dapat tidak akan membabitkan juga bumi Negeri Sembilan seluas 2,580 batu persegi (belum termasuk kerja-kerja nenambak pantai Port Dickson: yang bakal menjadi penghuni Mickey Mouse Pluto dan berbagai watak hiburan yang secucuk dengan idaman generasi muda), ada kemungkinan besar bahawa:

"Yang berlukis ,
(tidak lagi berlembaga)
yang berturas,
(tidak lagi berteladan)
yang bersesap,
(tidak lagi berjerami)
yang berbab,
(tidak lagi berpasal")

Pesaka waris dengan undang tidak lagi:

"Pertama : gading geliga
Kedua : lebah sialang
Ketiga : ungka siamang"

Pegangan: "Selasilah kehutan, teromba keluak" mungkin juga luput.

Malahan: "Dipijak tanah dilangkah akar, undang yang empunya" hanya menjadi sebutan dalam perpustakaan perbendaharaan adat.

sebahagian dari amalan adat papatih yang tidak lagi memberi munafaat kepada kesejahteraan hidup di zaman ini.

Dalam pada itu kekayaan perbendaharaan kata-kata adat haruslah jangan diabaikan, kalau tidak untuk dijadikan amalan, sekurangnya menambah kayakan lagi budaya bangsa.

Penutup

Menjelang tahun 1990 usaha yang bersungguh-sungguh haruslah dijalankan ke arah memilih salah satu dari dua pilihan yang disarankan, kerana dengan mengandaikan bahawa Dasar Ekonomi Baru berjaya sepenuhnya, serta perlaksanaan Dasar Pertanian Negara, dapat berjalan dengan berkesan, jika pilihan di atas dibuat, maka dipercayai pemilikan itu telah terlewati, walau apa jua yang menjadi pilihan, apabila kita melangkah keluar dari tahun 2000.

Sekian.

Rujukan : Journal of the Straits Branch of the R.S. SNO:
56 (1910).

: Sejarah Alama Melayu - Buyong Adil.

: Hubungan Minangkabau dengan Negeri Sembilan
dari segi sejarah dan kebudayaan -
Dato' Abdul Samad Idris. (sekarang Tan Sri
Dato" Abdul Samad Idris).

Perubahan sikap:

Amat kaya perbendaharaan adat papatih tetapi sangat ketara kemiskinan amalannya oleh anak-anak beradat. Perubahan sikap dan pemikiran memang diperlukan di zaman yang serba berlumba-lumba ini. Jika tidak, kita akan digulungkan sebagai "tidak progresif", malahan mungkin bukan lagi diandaikan tetapi akan benar-benar menjadi gulungan yang tidak progresif dan tercicir.

Di awal-awal telahpun ditegaskan bahawa falsafah sistem adat papatih itu sendiri adalah progresif bentuknya - padat dengan sranan yang penuh dan perikemanusiaan, kaya dengan kebudayaan, teguh pada prinsip : adat bersendi hukum, dan hukum bersendi Kitab Allah. Mengapa pula kini kita teraba-raba, menyesuaikan tafsiran mengikut seruan rasa dan bukan seruan kata-kata ? Jika kita biarkan zaman dan perubahan menelan kekayaan perbendaharaan adat, pasti akan "terdorong kepada kukur dan tinggalah tempurung sahaja".

Justru itu, masyarakat yang mengaku berpaut kepada adat yang tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas, tak kuning dek kunyit" hanya terdedah kepada dua pilihan:

1. Memahami dan mengamalkan warisan adat dalam kehidupan sehari-hari mengikut pegangan adat bersendi hukum dan hukum bersendi kitabullah serta syarak mengata adat mengikut; atau
Amalan
2. membuat beberapa penyesuaian kepada adat sejajar dengan perubahan masa, tetapi teguh dengan hukum bersendi Kitabullah.

Memilih untuk memahami dan mengamalkan hidup mengikut hukum Allah dan bersendikan adat selengkapnyanya, memang ada masalahnya. Jika pilihan kedua mahu diterima dan diamalkan, maka tak dapat tidak kita mestilah menggugurkan